



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

BANGUNAN MAHKAMAH TINGGI PULAU PINANG BERUSIA 119 TAHUN SELESAI DIPULIHARA MENJADI WARISAN NEGARA DAN UNESCO

GEORGE TOWN, PULAU PINANG – Majlis Penyerahan Projek Menaiktaraf dan Pemuliharaan Bangunan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah berlangsung harini disaksikan oleh YB Tuan M.Kulasegaran A/L V.Murugeson, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) dan YBhg. Dato' Ir. Roslan Bin Ismail, Ketua Pengarah Kerja Raya yang mewakili YB Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya.

2. Projek yang dilaksanakan secara konvensional perunding ini melibatkan kos kontrak sebanyak RM18.933 juta. Projek ini telah dimulakan pada 1 Disember 2021 dan siap sepenuhnya pada 13 Julai 2024. Projek milik Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri ini telah dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia dengan Pengarah Kerja Raya Negeri Pulau Pinang sebagai Pegawai Penguasa.

3. Mahkamah Tinggi Pulau Pinang ini merupakan salah satu faktor utama dalam pengiktirafan George Town sebagai tapak warisan dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 7 Julai 2008. Bangunan mahkamah ini yang mula dibina 1901 dan digunakan pada 1905 telah diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).

4. Sejajar dengan usianya, bangunan warisan ini telah mengalami beberapa masalah termasuk kebocoran bumbung, kesan anai-anai, kelembapan dan tumbuhan kulat yang terdapat pada beberapa bahagian bangunan. Projek ini dilaksanakan dengan pematuhan kepada Akta 645 dan Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan Jabatan Warisan Negara. Sehubungan dengan itu, keaslian bangunan dikembalikan dan dikekalkan sebaik mungkin bagi memanjangkan jangka hayat bangunan warisan ini dengan penambahan beberapa fasiliti mengikut keperluan semasa bagi menjamin keselamatan pengguna serta kemampunan keperluan masa hadapan.

5. Di antara skop kerja dan komponen yang terlibat adalah kerja-kerja pemuliharaan dan menaiktaraf struktur bumbung, dinding dan lantai, menaiktaraf sistem elektrik dan mekanikal termasuk lif dan menaiktaraf turapan jalan dan mengecat pagar sedia ada.

6. Projek Menaik Taraf dan Pemuliharaan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang ini membuktikan kepesatan negara tidak menjejaskan sebarang warisan dan nilai

sejarah, malah Malaysia memastikan pembangunan infrastruktur dilaksanakan secara bijaksana, berkesan, dan mampan bagi manfaat generasi masa akan datang.

7. Kementerian Kerja Raya (KKR) selaku peneraju infrastruktur negara amat komited dalam memberikan perkhidmatan cemerlang dalam sektor pembinaan negara. Pelaksanaan projek ini adalah bukti komitmen kerajaan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

8. Segala pengajaran yang diperolehi boleh dijadikan panduan dalam pelaksanaan projek-projek yang akan datang oleh semua pihak. KKR turut menyeru kepada pihak kontraktor untuk terus melaksanakan tanggungjawab dengan baik dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP).

9. KKR ingin merakamkan penghargaan kepada BHEUU JPM yang memberikan kepercayaan serta kerjasama sepenuhnya kepada pihak JKR Malaysia, khususnya dalam penyeliaan di tapak sehingga projek dapat disiapkan dengan jayanya. JKR Malaysia akan terus membudayakan pengurusan bersepadu bagi semua projek-projek awam khususnya pemuliharaan bangunan pada masa akan datang serta terus memantau proses-proses pasca penyerahan bangunan supaya tiada perkara yang tertangguh dan dilaksanakan mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
27 OGOS 2024